

# UJI KEMAMPUAN MINDA ANAK *bermain sambil menguji*

Kanak-kanak suka bermain, itu memang naluri semula jadi mereka! Malah, tidak salah jika kita membuat tanggapan bahawa antara pengalaman hidup yang paling bermakna semasa usia pendidikan praformal antara 0 - 6 tahun adalah pengalaman bermain.

**P**ada masa yang sama, dapatkan kita sebagai papa dan mama juga pendidik prasekolah mengambil peluang agar aktiviti bermain si kecil membawa lebih manfaat kepada dirinya? Jawapannya, sudah pasti! Syaratnya mudah, pastikan anda memberi masa dan ruang dalam jadual seharian untuk 'bermain' bersama-sama si kecil anda walaupun sekadar satu jam setiap hari.

Latihan dan 'permainan minda' di bawah amat disyorkan untuk si kecil.

## “Kisah Hari Sekolah”

Selain daripada bermain dan bergerak secara aktif, si kecil pada peringkat usia pendidikan praformal cenderung untuk bercerita dan berkongsi pengalamannya dengan orang lain. Maka, luangkan sedikit masa dan berikan ruang kepada si kecil anda untuk bercerita, menyanyi dan mungkin juga berjoget untuk memberi gambaran aktiviti hariannya di taman pendidikan prasekolah.

Jangan mudah terima alasan “tak ada belajar apa pun hari ini” atau “buat benda macam biasa saja” daripada anak anda. Tunjukkan minat anda kepada segala-gala yang berlaku semasa hari itu dan minta si kecil manja itu bercerita, membuat lakonan semula atau apa sahaja aktiviti di mana dia boleh berkongsi aktiviti pada hari berkenaan. Anda pasti tidak akan kering gusi!

## “Memori Sang Kancil”

Permainan memori membantu untuk meningkatkan daya ingatan si kecil dengan cara yang menyeronokkan dan menghiburkan. Permainan ingatan membantu anda anda untuk menggunakan mindanya, meningkatkan tumpuan atau fokus serta melatih memori visual. Lebih menarik lagi, aktiviti seperti ini boleh dilakukan di dalam kenderaan ketika hendak pulang ke rumah dari tadika atau di mana-mana sahaja yang selesa.

Berikan masa kepada si kecil untuk memfokus kepada bangunan yang dilihat di luar kereta, misalnya. Kemudian, minta si kecil menceritakan rupa bentuk bangunan itu. Apabila bergerak melepasi pasar raya pula, tanya kepadanya, “Adik, kalau kita pergi ke pasar raya, apakah 10 benda yang boleh kita beli dekat situ?” Terserah kepada anda untuk memikirkan variasi seterusnya.

## “Tekateki Tekateki”

Era Revolusi Industri ke-4 membawa terlampau banyak cabaran dalam dunia pendidikan prasekolah, lebih-lebih lagi dengan wujudnya sebegitu banyak peranti atau gajet serta aplikasi elektronik dan permainan yang menarik perhatian si kecil. Malah, ada kanak-kanak yang seakan-akan ketagih dengan teknologi ini. Walaupun si kecil perlu diberi pendedahan kepada teknologi, minda si kecil masih perlu diasuh dan



diasuh agar mampu berfikir pada tahap pintar lagi cerdas.

Saya amat yakin bahawa minda yang aktif perlu latihan yang lebih tradisional seperti bermain teka-teki. Teka-teki memaksa minda untuk berfikir jauh dan tidak hanya secara logik semata-mata. Terserahlah kepada mama dan papa untuk mencari teka-teki yang sesuai. Di Tadika, cikgu prasekolah boleh menggunakan teka-teki sebagai aktiviti kumpulan besar di dalam kelas terutama untuk kanak-kanak yang lebih matang.

## “Siapa Nampak... Nampak Tidak?”

Aktiviti minda klasik ini, seperti aktiviti seterusnya, amat sesuai dimainkan ketika sedang dalam perjalanan ke mana-mana sahaja. Di Barat, permainan minda seperti ini kita panggil “I spy with my own eyes...” Permainan minda ini dan variasinya membantu si kecil anda untuk mengikuti arahan, meningkatkan tahap fokus, mengembangkan bahasa dan meningkatkan kesedaran ruang (spatial awareness) mereka. Malah, ada buku yang boleh kita beli seperti “Where’s Waldo?” yang mempunyai konsep yang sama.

Yang pasti, mencari sesuatu item yang disasarkan dalam persekitaran yang berantakan dapat membantu

meningkatkan kemampuan minda manusia, tidak kira tua atau pun muda. Satu lagi variasi aktiviti ini memerlukan anda dan si kecil keluar meneroka dunia di sekeliling sambil mencari sesuatu atau mencari benda atau bahan yang sudah disorok sedari awal. Aktiviti ‘mencari harta-karun’ seperti ini, amat sesuai dijalankan pada hujung minggu bersama semua ahli famili!

## “Mari Kita Kira-Kira Dan Eja-Eja”

Perjalanan di dalam kenderaan adalah amat membosankan sebenarnya. Bukan hanya kanak-kanak yang cepat bosan apabila terlalu lama di dalam kenderaan, kita yang sudah tua ini pun benci apabila terpaksa duduk terlalu lama dalam keadaan yang begitu tidak selesa. Akan tetapi, perjalanan dengan kenderaan membuka peluang kepada satu lagi aktiviti bermain yang menguji kemampuan minda.

Aktiviti ini amat mudah dan selalu bermain di dalam minda. Minta si kecil congak secepat mungkin setiap plet atau nombor kenderaan yang dilihatnya, seperti ‘AER 987’ (sama dengan 24). Satu lagi variasi ialah meminta si kecil memberi satu ayat yang ada makna untuk setiap abjad yang dia lihat, misalnya ‘Ayam Ekor Rosak’ berdasarkan

plet atau nombor tersebut. Silakan berbincang tentang ayat itu kelak dengan penuh gelak ketawa!

## “Bermain Dengan Blok Mainan”

Aktiviti bermain yang bersifat tradisional ini tidak boleh kita lupakan kerana blok-blok permainan adalah alat bermain yang sudah digunakan oleh kanak-kanak sejak daripada zaman dahulu lagi (mungkin juga semenjak zaman dinosaur)! Blok-blok dengan warna dan saiz yang berbeza boleh disusun dan diatur mengikut imaginasi tanpa batasan.

Selain itu, blok-blok permainan juga dapat disusun tinggi untuk memberi cabaran baharu kepada si kecil. Dengan cara ini misalnya, konsep daya graviti boleh diajar kepada si kecil disamping mencabarnya untuk berfikir tentang konsep kestabilan dan kekuatan asas sesuatu struktur. Siapa tahu, si kecil anda boleh menjadi arkitek tersohor yang setaraf atau mungkin lebih hebat lagi berbanding dengan Hijas Kasturi suatu hari nanti?


## “Mari Ke Librari!”

Apa? Tentu anda hairan kenapa aktiviti ‘minda’ ini disertakan sekali, bukan? Sebenarnya, antara banyak tempat yang boleh dilawat oleh si kecil yang memberi



manfaat kepadanya, perpustakaanlah yang mampu memberi impak positif, bukan hanya kepada pembinaan mindanya tetapi juga untuk melatih si kecil berfikir pada tahap pintar lagi cerdas (gifted and talented).

Buku-buku bercetak yang ada di perpustakaan bukan sekadar meluaskan imaginasi si kecil malah membuka mata mereka kepada dunia. Sifat ingin tahu si kecil juga dapat dicabar dengan buku-buku yang berdasarkan fakta seperti ensaiklopedia yang bergambar dengan sesuai untuk kanak-kanak pada peringkat usia pendidikan praformal. Jadi, tunggu apa lagi papa dan mama di luar sana? Pastikan anda dan anak-anak singgah ke perpustakaan setiap minggu dan luangkan masa berkualiti di sana untuk sama-sama membaca, mencerna ilmu serta berimaginasi seluas mungkin!



**DR AIRIL HAIMI MOHD ADNAN**  
Ketua Pusat Pengajian di UiTM Cawangan Perak dan penyelidik aktif psikologi perkembangan tahun awal serta sosiologi pendidikan usia praformal.